

10hb Ogos 2009

Koroner : Tuan Azmil Muntapha bin Abas

Timbalan Pendakwaraya (TPR) : Tuan Idham bin Abdul Ghani
(dilantik oleh Kerajaan Malaysia) Encik Tan Hock Chuan
Encik Cains Tan
Encik Justin Wee
Mohd Abbaszafree b. Mohd Abas

Peguam Pemerhati
(untuk keluarga simati) : Encik Gobind Singh Deo
Encik S.N Nair
Encik Ram Karpal Singh
Encik Karpal Singh
Encik Lim Lick Eng

Peguam Pemerhati
(Kerajaan Negeri Selangor) : Encik Malik Imtiaz Sarwar
Cik Asma binti Mohd Yunus
Encik Ashok Kandiah
Encik Sreekant Pillay

Peguam Pemerhati
(Majlis Peguam) : Encik Richard Wee
Encik Cheow Wee
Encik Syahredzan Johan
Cik Jun Low
Encik M. Sivanathan
Encik Rajpal Singh

Mahkamah : Untuk teruskan dengan saksi kesepuluh.

Encik Gobind: Pada 7hb Ogos 2009 hari Jumaat, kami telah melakukan satu lawatan ke Plaza Masalam iaitu pejabat SPRM. Semasa lawatan itu kami telahpun melihat bahagian tangga iaitu tangga kecemasan diantara tingkat 14 dan 15. Dalam masa ini kami telahpun melihat kesan yang kami percaya adalah kesan darah. Gambar telahpun diambil (gambar 26) – dirujuk kepada Coroner. Di dalam pejabat itu ada kesan yang mencurigakan. Saya difahamkan bahawa walaupun perkara ini telahpun di bawa ke perhatian I.O pada hari Jumaat lalu dan kawasan tersebut telahpun di kawal tetapi sehingga hari ini memandangkan semalam hari minggu, belum ada pemeriksaan dilakukan ke atas kesan ini.

Kami berpendapat perkara ini adalah penting dan adalah penting juga untuk pakar DNA forensic mengambil specimen kesan ini untuk pastikan samada ia kesan darah dan samada kita tahu darah ini darah siapa.

Saya membuat satu permohonan agar pakar DNA, Dr. Seah Lay Hock dan juga pakar forensic pergi ke tempat kejadian hari ini, pada pagi ini untuk membuat pemeriksaan ke atas kesan-kesan tersebut.

Encik Malik : Kami sokong permohonan tersebut dan pohon kes ditangguhkan hari ini untuk membolehkan kami hadir ke sana.

Timbalan Pendakwaraya: Bagi tujuan keadilan dan mendapatkan kebenaran apa yang telah berlaku, Timbalan Pendakwaraya tidak ada bantahan terhadap permohonan ini, hanya ingin menegaskan beri peluang kepada pihak pakar untuk menentukan samada kesan tersebut pada pertamanya adalah darah manusia atau tidak, dan jika ia benar, baru kita akan beri peluang kepada pakar untuk menentukan samada ia darah si mati. Semua pihak akan hadir ke tempat tersebut bersama-sama dengan pakar DNA. Tidak ada halangan.

Mahkamah : Setuju dengan permohonan tersebut untuk mendapatkan kepastian atas sample suspect stain samada ianya darah atau tidak, dan samada ianya darah simati atau tidak. Keputusan boleh ditentukan by the end of the day.

Timbalan Pendakwaraya: Saya rasa boleh didapati pada hari ini. Tempat tersebut telah dikawal since Saturday morning.

Mahkamah : Permohonan dibenarkan dan Mahkamah akan dapatkan keputusan daripada the test by tomorrow morning.

Timbalan Pendakwaraya: Tentang saksi, the following witness are not necessary.

Mahkamah : Can offer to the interested party.

Timbalan Pendakwaraya : A46 – journalist, A48, A52 – colleague, A56, A57, A59, A60, A61 to 70, 72, 73, 76, 77 and 80 and 81 (those are not necessary).

Mahkamah : Ruling tomorrow.

Encik. Gobind: I was informed that the place has been secured since Saturday. We told the I.O to place his officer to secure the place.

Timbalan Pendakwaraya: That is not an issue. Pohon Koroner buat perintah.

Encik Malik : For the witness – call them if we need them. Not sure what is their involvement.

Mahkamah : Kes akan disambung pada pagi esok.

Timbalan Pendakwaraya : Will not releasing them. Subject to recall.

Mahkamah : Pihak dibenarkan untuk hadir untuk ambil sample dna dan darah. Kes akan disambung pada esok pagi.

t.t. Azmil Muntapha b. Abas.